

Selamat Hari Raya

Hari Raya puasa ialah:

Hari Kemenangan Islam

Allahu Akbar! Allahu Akbar! Allahu Akbar! Allah jua Yang Maha Besar! setelah tamat bulan Ramaḍān ini, maka tamatlah pula bulan yang menjadi masa ujian bagi iman, peribadi, akhlak dan jiwa kita umat Islam seluruhnya, dalam bulan puasa ini juga adalah dapat menjadi ukuran-ukuran kepada kita dan sekuat mana pula taat setia kita terhadap Allah *subhānahu wa ta'ālā*, tuhan *Rabb al-'Ālamīn*. Dan sesudahnya itu, datang menjelang pula 1 Syawal tahun hijrah 1378 ini iaitu hari yang mulia dan yang diraikan, hari “Aid al-Fiṭr” suatu hari yang dimuliakan kerana hari kemenangan bagi umat Islam yang telah berjaya berpuasa menunaikan titah perintah Allah adalah telah menang, menang dalam segala ujian, segala godaan dan segala cubaan, iaitu sama ada dari syahwat, hawa nafsu dan iblis serta syaitan. Juga akan dapat pula segala hikmat-hikmat dan faedah ibadah puasa tadi, dan juga hikmat-hikmat serta faedah-faedah tentang Hari Raya ini untuk keinsafan dan perhatian.

(oleh: Alimin)

Dengan melalui ruangan majalah “Qalam” yang permai ini, saya suka mengambil kesempatan untuk mengucapkan: “Selamat berjaya beribadah puasa dan selamat menyambut Hari Raya ini, hari kemenangan” terhadap seluruh Muslimin dan Muslimat di dunia Islam umumnya dan yang di sekitar tanah air - Tanah Melayu - khususnya, terutama kepada segala sahabat-sahabat dan teman-teman sekalian, semoga kita sama-sama dikurniakan Allah berada di dalam sihat, panjang umur, murah rezeki yang halal untuk berjasa, berbuat kebajikan dan takwa kepada Allah Yang Amat Pengasih dan Penyayang itu.

Hari ini ialah Hari Raya iaitu suatu hari kemenangan bagi seluruh umat Islam yang telah berpuasa yang telah berjaya menempuh segala ujian, dugaan dan cubaan dari segala iblis dan syaitan serta runtunan

syahwat dan hawa nafsu itu.

Dan di hari kemenangan inilah pula hendaknya, kita sekalian patut mengingati kepada saudara-saudara kita yang daif serta fakir miskin hidupnya supaya bersama-sama bergembira dengan tidak beza membeza satu dengan yang lain. Di hari kemenangan inilah juga hendaknya kita sama menginsafi menyedari peri kelemahan kita di segala segi dalam masa yang telah berlalu itu seperti lemah dalam ibadah, lemah dalam berjihad, lemah dalam mencari ilmu pengetahuan dan lemah dalam menunaikan suruhan-suruhan serta larangan-larangan Allah *'azza wa jalla*. Juga dengan hari kemenangan inilah pula hendaknya kita semuanya tetap boleh bertekad dengan jiwa yang besar, iman yang tebal, persatuan yang konkrit utuh serta kemahuan yang bernyala-nyala supaya kita akan terus menerus menang.